

SELAGI SUKARNO MEMERINTAH NEGARA INDONESIA AKAN HANCUR?

Sedikit masa yang lalu Sukarno mengatakan bahawa demokrasi dipimpin di Indonesia adalah mengikut demokrasi dipimpin Muhammad. Ini adalah suatu perkataan yang berniat mengabui mata umat Islam yang bodoh, yang seakan-akan lupa apa katanya dahulu bahawa ia tidak mahu Indonesia jadi merah ataupun hijau. Jadi apakah ertinya demokrasi dipimpin seperti demokrasi Muhammad!

(oleh: Wakil Khas Kita)

Barangkali tidak ada seorang pun daripada umat Islam Indonesia yang akan menolak jika benar demokrasi Sukarno itu demokrasi dipimpin cara Muhammad kerana Muhammad tidak menjalankan mengikut kemahuan tetapi berpindah kepada perintah-perintah Tuhan seru sekalian alam.

Segala hukuman yang dijalankan oleh Muhammad tentulah berpindah kepada al-Qur'an - tidak boleh diubah-ubah mengikut kemahuan sedang Sukarno sendiri mengadakan demokrasinya memusuhi Islam dan membanteras Islam, menekan kepada perkembangan Islam sedang kepada komunis ia bermanis muka.

Kerana mempertahankan demokrasi dipimpin itulah ia menindas segala fikiran rakyat - menguasai Indonesia dengan tangan diktator sebagaimana yang dicita-citanya pada tahun 1928 dahulu. Ia mahu menguasai Indonesia dengan tangannya sendiri sehingga rakyat-rakyat yang insaf tidak dapat lagi menelan apa sahaja yang dikatakannya lalu mereka mengadakan pemberontakan.

Berita-berita mengatakan pemberontakan tamat, adalah suatu berita kosong belaka kerana di sana sini di seluruh Sumatera telah terjadi pelawanan-pelawanan secara gerila yang hebat.

Medan-medan gerila yang baharu di sana sini timbul dan keadaan-keadaan di Jawa Barat semakin maju yang ertinya keadaan ekonomi Indonesia tidak dapat dipulihkan sedang rakyat di Jawa banyak menderita kelaparan.

Berita-berita ke luar negeri ditahan dan akhbar-akhbar hanya dibenarkan mengeluarkan berita-berita yang diberi oleh tentera sahaja. Apa yang terjadi di sana tidak diketahui oleh dunia luar ataupun tidak diketahui oleh satu daerah kepada daerah lain sehingga akhirnya keganasan yang dilakukan oleh orang-orang Jawa kepada daerah-daerah tidak terdengar di luar.

Perampasan-perampasan hak, ugutan-ugutan dan paksaan-paksaan dilakukan oleh tentera kepada orang-orang yang difikirkannya boleh diperah hartanya dan sebab itulah kedudukan umat di luar Pulau Jawa sekarang di bawah tindasan Sukarno yang menggunakan pemuda-pemuda Jawa jadi tentera - yang sentiasa mahu jadi tentera kerana melepaskan diri dari kelaparan.

Adakah Sukarno akan dapat melepaskan dirinya daripada pembalasan-pembalasan terhadapnya kelak? Orang-orang melihat keadaan-keadaan

(bersambung ke muka 40)

Saudara boleh periksa perihalnya di dalam kitab *Hayāt al-Hayawān al-Kubrā* di sana disebut dengan jelas sifat-sifat itu yang menurut pendapat kita tidak ada ubahnya sedikit pun dengan yang ada di sini. Kalau saudara gemar memakannya maka menurut ijmak hukumnya halal dan jika saudara tidak mahu memakannya tidak ada orang yang memaksa saudara memakannya kerana yang dipersoalkan tentang hukumnya - bukan tentang memakannya - ini bergantung kepada selera masing-masing.

* * *

Di bawah Koloni dan *Federation*.

a. Hamilin Ayub, Ikhwan 889, Kampung Santubong, Kuching Sarawak bertanya:

Bagaimanakah keadaan kemajuan hidup rakyat Bumiputera negerinya, jikalau negeri itu dijadikan sebuah kerajaan *Federation*; adakah keadaan hidup mereka lebih baik atau tidak daripada hidup di dalam negeri yang bertaraf koloni?

Jawab: *Federation* maksudnya negara kesatuan, di dalam mana perkara-perkara mengenai am disatukan pertadbirannya dan hasil-hasilnya dibahagi untuk negara masing-masing mengikut keadaannya sedang koloni, iaitu negeri jajahan yang tertakluk kuasanya di tangan penjajah untuk mentadbirkannya.

Kemakmuran rakyat adalah bergantung kepada kesungguhan rakyat itu sendiri mendapatkan faedah daripada baik tadbir kerajaan-kerajaan itu sama ada koloni atau *federation* ataupun negara merdeka sekali.

Kalau pentadbirannya bagus dan tersusun baik maka rakyat akan makmur tetapi jika tadbirnya tidak baik rakyat akan menderita sekalipun di dalam negeri merdeka sendiri.

Sebab itulah untuk sesebuah negeri yang belum

ada mempunyai orang-orang yang ahli dalam pertadbirannya² terlebih dahulu melatih orangnya supaya menjadi ahlinya kerana sesuatu kerja kalau tidak dijalankan oleh ahlinya jagalah kebinasaannya.

Lihat sahaja negeri-negeri merdeka, kerana ditadbir oleh orang-orang yang bukan ahlinya maka rakyat menderita, “pemimpin” senang-lenang sehingga akhirnya rakyat berasa lebih senang hidup di bawah penjajahan daripada merdeka sebab nikmat merdeka hanya didapat oleh beberapa gelintir manusia sedang rakyat umum menderita.

Jadi jawapan kepada tuan - makmur hidup sesuatu rakyat terletak bukannya kepada taraf kedudukan pemerintahannya tetapi adalah terletak kepada kemahiran pentadbirnya. Jika ia mahir ertinya rakyat akan senang hidupnya - jika negara ditadbir oleh orang yang bukan ahlinya rakyat menderita.

* * *

(sambungan dari muka 36)

yang berlaku sekarang di dalam dunia bahawa perkara perubahan tidak berlaku lama-lama dan harus kita akan mendengar pula kelak perebutan kekuasaan di antara tentera dengan Sukarno akan berlaku.

Kita lihat sahaja bahawa pada satu masa seorang yang takbur dan musuh Islam itu akan hancur dan kebenaran Islam akan timbul. Lihat sahaja perjuangan *Dār al-Islām* di Indonesia hingga sekarang tidak dapat dipatahkan bahkan terus-menerus berjuang sesudah sepuluh tahun namun Sukarno yang bercakap bergegar-gegar tidak dapat menghapuskannya bahkan perjuangan-perjuangan di Jawa Barat semakin berat dan semakin meluas iaitu apabila mereka mendapat bantuan-bantuan senjata baharu.

Allah tetap akan menolong kebenaran - *inshā Allah!*